

LAMPIRAN

Tafsiran Kalimah Syahadah oleh Hamzah bin Embi

سبب كن علم حقيقة يع دابر كف اهل طريفة / اجاران اين

1. الله لا اله الا الله محمد
 ↓
 بر معنى لاهوت
 ↓
 بر معنى جبروت
 ملكوت
 ارواح

2. ① الله ② لا تعين ③ تعين اول ④ تعين ثانى
 ↓ ↓ ↓ ↓
 كاملة مرضية مرضية مطمئنة
 عرض

3. محمد رسول الله اله
 ↓
 اجسام
 مثال
 عالم انسان
 الله
 سبحانه الذى اسرى بعبده

Warta Ajaran Hj. Khahar bin Ahmad



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

29hb Ogos 1991

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1952
(No. 3 Tahun 1952)

FATWA ILMU SALAH

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 41 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952 (Selangor No.3/52) Jawatankuasa Perundangan Majlis Agama Islam Selangor bagi pihak MAIS menfatwakan bahawasanya Hj. Khahar B. Hj. Ahmad Jalal No. K.P.3297747 yang beralamat di No. 44 Kg. Kemensah Hulu Klang telah membawa ajaran ilmu salah kerana telah menyeleweng daripada akidah dan hukum syariat islamiah yang sebenar dan telah membuat penghinaan kepada para Ulama yang muktabar. Butir-butir mengenai ajaran yang dimaksudkan adalah seperti di dalam jadual.

2. Jawatankuasa Perundangan Agama Hukum Syara' juga bersejua menghamarkan buku yang dikarang oleh beliau yang bertajuk "AL-FURQAN-PEMBEDA" daripada dicetak, diedar, dijual, dibaca, disimpan dan digunakan oleh orang ramai.

Tarikh Kuatkuasa: 23-5-1991/9hb Zulkaedah, 1411.

JADUAL

Pusat Pengajaran.

Pusat pengembangan ajaran ilmu salah ini adalah dirumah Hj Khahar iaitu di No. 44 Kg Kemensah Hulu Klang masa yang tetap bagi pengajian ialah pada tiap-tiap hari Jumaat. Pada hari itu pengikut-pengikutnya berkumpul dan mengadakan pengajaran agama seperti membaca buku-buku tafsir atau mendengar ceramah-ceramah dari ketua-ketua kumpulan dan mengadakan perbincangan antara mereka. Aktiviti ini adalah sebagai ganti bagi mereka menunaikan kewajipan sembahyang Jumaat.

Penyebaran pengajaran yang dibawanya terbuka luas kepada sesiapa yang ingin mengetahui dan di peringkat ini dia mengajar dengan menggunakan sebuah buku yang dikarang oleh beliau sendiri yang bertajuk "AL-FURQAN PEMBEDA".

Karangan ini tiada mempunyai rujukan kepada mana-mana kitab yang muktahab dan adalah didapati isi-isi kandungan buku tersebut adalah bertentangan dengan kehendak Islam yang sebenar.

Pengakuan beliau sendiri dalam menyebarkan ilmu salah

Antara perkara-perkara yang disebarkan mengenai ilmu salah ini ialah:

1. Dia mengaku dirinya sebagai Rasul atau "Utusan Allah". Dia mendakwa Rasul sentiasa ada di bumi untuk menyampaikan ilmu Allah.
2. Dia mengaku menerima wahyu daripada Allah yang diturunkan di Bukit Kemensah dan diturunkan dalam keadaan seperti mana dialami oleh Rasulullah S. A. W.
3. Sembahyang lima waktu adalah tidak wajib. Pada dia "sembahyang" itu memadai dengan membuat kebaikan dan menjaukan dari perkara mungkar.
4. Dia tidak percayakan Al-Quran yang ada sekarang ini sebagai Al-Quran yang sebenarnya. Pada dia, Al-Quran yang ada sekarang adalah sebagai catatan sahaja. Al-Quran yang sebenarnya berada di langit iaitu di Luh Maftuz.
5. Dia tidak percayakan Hadith. Pada dia, Hadith yang ada sekarang ini adalah hanyalah rekaan manusia yang di buat selepas wafat Rasulullah S. A. W.
6. Orang Islam tidak perlu mengerjakan ibadah haji ke Mekah. Ibadah haji boleh di buat di mana-mana sahaja di bumi Allah. Pada dia pergi ke Mekah dan ke Arab Saudi hanya untuk melihat kesan-kesan sejarah Rasulullah sahaja.
7. Dia mendakwa ada mempunyai Mukjizat. Mukjizat ini berlaku

pertama hari itu hari hujan, tetapi dia tidak kena hujan. Di peristiwa yang kedua, pada hari panas tetapi tidak merasa panas.

Ajaran salah yang di dapati dalam buku **"AL-FURQAN-PEMBEDA"** yang dikarang oleh Tuan Hj. Khahar b. Hj. Ahmad Jalal.

Antaranya adalah seperti berikut:

1. Muka surat 12.

"Apakah itu Al-Quran?"

Al-Quran adalah pengetahuan Allah yang diturunkannya melalui Malaikat Jibrail kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki di antara hamba-hambanya."

2. Muka surat 24.

"Apakah itu Rasul?"

RASUL adalah penyampai ayat-ayatnya yang diturunkan kepada Nabi-nabi seperti menjelaskan ayat-ayatnya dengan terang.

"Rasul adalah seorang lelaki di antara manusia dan jin. Rasul-Rasul menjelaskan ayat-ayat-Nya serta Hikmah dan Kitab. "Rasul memimpin kaumnya daripada kegelapan kekafiran kepada cahaya keimanan. Rasul tidak mengikut yang lain kecuali wahyu daripada Allah. Rasul-Rasul tidak membezakan di antara Rasul-Rasul dan Nabi-Nabi. Rasul menyuruh dengan menyembah Allah semata-mata. Dan tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apa iua pun.

Rasul diutus oleh Allah ke setiap negeri, Setiap bangsa, setiap kaum, setiap golongan, setiap zaman.

Rasul di utus oleh Tuhan menyampaikan ayat-ayat-Nya di dalam bahasa kaumnya sendiri."

3. Muka surat 27-28.

"Hukum-Hukum Terhadap Rasul."

5.2. (i) Perintah surah

- * Menghadirkan diri terhadap Majlis Rasul.
- * Merendahkan suara di hadapan Rasul.
- * Menjadikan Rasul sebagai pemimpin ummah.

- * Menerima Rasul sebagai perutusan daripada Allah.
- * Membenarkan Rasul menerima Wahyu daripada Allah.
- * Membenarkan Rasul-Rasul sebagai menyempurnakan agama Allah (Islam) serta menyebarkan kepada umat dan kaumnya.
- * Hendaklah meminta izin terlebih dahulu daripada Rasul jika ada sesuatu urusan atau hal ketika berada di dalam Majlis Rasul.

4. Muka surat 29-30

5.3. Apakah itu Nabi?

"NABI menerima kitab daripada Allah iaitu Zabur, Taurat, Injil dan Al-Quran. Nabi adalah seorang manusia biasa yang diturunkan kepadanya sebuah kitab untuk seluruh manusia dan seluruh alam.

Nabi adalah orang yang mula-mula menerima petunjuk atau Kitab Allah dan yang menjadi Rasul dan ada yang tidak menjadi Rasul.

Nabi boleh menjadi Rasul, tetapi Rasul tidak boleh menjadi Nabi. Nabi adalah contoh dan saksi bagi Rasul-Rasul yang beriman..... Nabi menjadi saksi kepada Rasul-Rasul sementara Rasul-Rasul menjadi saksi bagi kaumnya. Dan Allah menjadi saksi keseluruhannya."

5. Muka surat 31.

Apakah itu Hadis?

"HADIS adalah kisah seorang yang diceritakan oleh orang lain kepada seseorang kemudian keterangan tersebut dicatatkan oleh orang lain. Umpamanya, kisah tentang kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. iaitu cerita di atas cerita.

Keterangan tersebut bukannya wahyu daripada Allah yang datang dari sisi Allah. Ia adalah dari perkataan manusia biasa. Yang membuat keterangan tersebut iaitu perawi-perawi tentang diri Nabi Muhammad s.a.w. Perawi-perawi itu bukanlah terdiri daripada Nabi-Nabi atau Rasul-Rasul yang dilantik oleh Allah.

Hadis bukanlah pengetahuan daripada Allah. Ia adalah mengikut pandangan atau pendengaran seseorang atau satu-satu kebenaran yang datangnya daripada sangkaan akal manusia. Ia bukanlah firman Allah.

Hadis-Hadis tersebut adalah yang sebenarnya datang daripada sangkaan satu angan-angan kosong ahli-ahli kitab yang terdahulu. Ia bukanlah benar-benar kebenaran yang diyakini seperti Al-Quran atau kitab-kitab Allah. Hadis-Hadis kebanyakannya membuat keterangan palsu terhadap Nabi Muhammad s.a.w.

6. Muka surat 33.

"Begini juga jika ditinjau dari semua sudut, hadis tersebut menimbulkan suatu kesempitan atau kesusahan bagi sesiapa yang mengikutnya.

Hadis-hadis juga mempunyai kaedah-kaedah yang sempit, fanatik, ortodok, ekstrim, radikal, hipokrit dan negatif.

Pengikut-pengikut Musa, Isa dan Muhammad telah tertipu dengan urusan agama mereka kerana mengikut sangkaan dan angan-angan kosong ahli kitab. Sesungguhnya yang memecah-belahkan agama itu terdini daripada pengikut-pengikut Rasul. Mereka mengucapkan sesuatu yang mereka ketahui. Contohnya seperti Imam Syafie, Maliki, Hambali dan Hanafi.

Mereka berpendapat di antara satu sama lain. Contoh lainnya, Sewaktu memuainkan fardu Haji ke Mekkah Mazhab Syafie tidak bersesuaian di tempat tersebut. Mazhab ini lebih cenderung dan paling sesuai di negara kita sekarang ini.

Sementara Mazhab Shafie pula menjadikan semua perkara sunat Suatu perkara yang difardakan. Bagi Imam Syaife pula, sebahagian daripada sebahagian adalah sunat (disunatkan). Contohnya, mengambil wuduk amat bertanggung sekali di antara kedua-dua pendapat tersebut Begitu juga di tinjau ibadat sembahyang, mempunyai pendapat berbeza. Contohnya, Imam Shafie mempunyai usai sedangkan Imam Maliki tidak di mulai dengan usai hanya dimulakan dengan takbiratulhram.”

7. Muka surat 35.

“Beberapa contoh hadis iaitu berhala yang disembah oleh kebanyakan manusia hari ini di antaranya hadis qudsi, hadis sahih, hadis maudud, hadis Dhaif, kias dan ijmak ulamak. Sementara contoh ulamak yang menjadi ikutan hingga hari ini oleh kebanyakan manusia ialah ulamak musafirin, ulamak kafirin dan ulamak musikin. Dalam keadaan begitu lahiriah berbagai-bagai tarikat: di antaranya ijmak ulamak, ahli sunnah wal-jamaah, kadhariah, jabariah, mukhtazilah, saman, ahmadiyah, muhammadiyah, nas syahbandi, syiah, tabligh, al-arqam, sunni dan taslim. Sementara kitab-kitab mereka terdiri daripada tauhid, fekah, tasawuf, tajul muluk, danul natis, ya ulumuddin, kitab hikmah dan berbagai-bagai lagi. Dan inam mereka pula ialah Shafie, Hanafi, Maliki, Hambali, khomeni, Mahdi, Borjol dan Gulam Ahmad Quadian.”

8. Muka surat 45.

“8.13 Tasbih dan doa kesyukuran sewaktu sampai di Baitulmakmur

“SESUNGUHNYA ALLAH Dialah Maha Pemberi Rezeki yang mempunyai kekuatan lagi sangat kukuh.

Sesungguhnya Dialah yang Maha, melimpahkan kebaikan lagi Maha Penyang ”

9. Muka surat 52.

“9.5 (I) Istilah Solat.

Istilah mendirikan solat di sisi Allah ialah mengembalikan diri kepada Allah iaitu tunduk patuh terhadap kebenaran dan petunjuk-Nya serta perintah dan peraturan serta hukum-hukum-Nya untuk mengingati-Nya.”

10. Muka surat 52.

“9.5. (ii) Istilah Zakat.

Iaitu melakukan apa-apa sahaja perkara yang baik pada diri sendiri dan terhadap orang lain kerana mencari keredaan Allah.”

11. Muka surat 54-55.

“Sesungguhnya sembahyang itu amat berat bagi kamu kecuali orang-orang yang khusus di antara kamu.

Jika di tinjau pada zaman ini, kebanyakan manusia tidak lagi menyembah Allah sebagaimana Nabi-Nabi, Rasuli-Rasul dan orang yang beriman yang telah lalu menyembah-Nya.”

12. Muka surat 55.

“Begitu juga pengikut yang besar Nabi Muhammad s a w. tidak lagi mengikut sebagaimana baginda menyembah Allah serta beribadat kepada-Nya. Perkara tersebut amat ketara pada zaman ini, boleh dikatakan jelas di merata dunia sekarang ini.”

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Sesiapa mengikut Imam Hanafi,
Pasti ia bersusah hati.

Sesiapa mengikut Imam Maliki,
Jadilah ia seperti agama Yahudi."

Senarai ajaran ilmu salah yang di bentangkan di atas
bukanlah suatu senarai yang menyeluruh tetapi menyentuh beberapa
contoh sahaja daripada " Al-Furqaan- Pembeda."

Bertarikh pada 23 hb Mei 1991.
[JAIS.8014/7.]

S.S DATO' HJ. ISHAK B. BAHAROM.
Pengerusi,
Jawatankuasa Perundangan,
Majlis Agama Islam Selangor.
b.p Majlis Agama Islam Selangor,
Selangor Darul Ehsan

[Dibentangkan di Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Darul
Ehsan pada 20hb Julai dan diarahkan supaya diterbitkan di dalam
Warta kerajaan mengikut seksyen 42(3) Enakmen Pentadbiran
Agama Islam Selangor 1952].

Warta al-Arqam Tahun 1994



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil.
No. 54

4hb Febuari 1993

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1952
(No. 3 tahun 1952)

FATWA AURAD MUHAMMADIAH PEGANGAN DARUL ARQAM

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 41 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952 (Selangor No. 3/52) Jawatankuasa Undang-undang Agama Majlis Agama Islam Selangor bagi pihak MAIS menfatwakan bahawasanya Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam adalah menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar dan mengelirukan masyarakat Islam seluruhnya. Butir-butir mengenai Penyelewengan Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam yang dimaksudkan adalah seperti di dalam Jadual.

JADUAL

Di antara Kekeliruan dan Penyelewengan Aurd Muhammadiah Pegangan Darul Arqam

- (i) Mendakwa bahawa 'As-Sheikh Muhammad As-Suhaimi' iaitu Guru Tarikat Muhammadiyah ada memasuki Kaabah dan menerima Aurd Muhammadiyah daripada Rasulullah S.A.W di dalam keadaan sedar dan jaga iaitu setelah ia bermimpi bertemu Rasulullah S.A.W. dan Baginda memerintahnya supaya berbuat demikian.

- (ii) Menokok tambah ungkapan Syahadah yang memang jelas bercanggah dengan ajaran Islam dan boleh mengeluarkan akidah Islamiah bagi orang awam seperti berikut:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
أُبُكِّرُ الصِّدِّيقَ عُمَرَ الْفَارُوقَ عَثْمَانَ بْنَ مَرْثَدٍ عَلِيَّ
عُصْدَةَ الدِّينِ مُحَمَّدَ الْهَدْيِ خَلِيفَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

- (iii) Dikatakan bahawa kepercayaan dengan kelahiran Al-Mahadi itu bukan dari akidah.

- (iv) Disebutkan kepercayaan Al-Arqam tentang kematian As-Syeikh Muhammad As-Suhaimi yang kononnya matinya itu pada zahir sahaja. Jasadnya yang dikhubunkan di perkuburan Klang pada 21 Retaj

awam sahaja bukan jasadnya yang sebenar sebaliknya ia telah ghaib pada ketika itu dan akan lahir pada suatu masa nanti sebagai Imam Mahadi.

- (v) Kepercayaan bahawa apabila diseru nama tertentu seperti yang tersebut di dalam buku "Aurd Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" akan mendapat pertolongan.

Keputusan Fatwa

Fakta-fakta yang telah disebut dan lain-lain lagi fakta yang terdapat dalam buku "Aurd Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang tidak disebut di sini adalah berlawanan dengan Al-Quran dan Hadis dan mengelirukan akidah Islam yang sebenar, maka Jawatankuasa Undang-undang Agama mengambil keputusan mengharuskan buku "Aurd Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" oleh Ustaz Hj. Ashaari Muhammad dari dibaca, dipelajari, disimpan, dijual dan disebar.

S.S. DATO' HAJI ISHAK BIN BAHAROM,

Pengurus,

Jawatankuasa Undang-Undang Agama,

Majlis Agama Islam Selangor,

b.p. Majlis Agama Islam,

Selangor Darul Ehsan

Bertarih 10 September 1988

[J.AIS. 801/4/46 Jld. 1.]

(Dibentangkan di mesyuarat Agama Islam Selangor Darul Ehsan pada 10th September 1988 dan diarahkan supaya diterbitkan di dalam Warta Kerajaan mengikut skyen 42 (3) Enakmen Penubuhan Agama Islam Selangor 1952.)

Warta Pindaan al-Arqaam Tahun 1995



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 47
No. 16

11hb Ogos 1994

TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN

Sel. P.U. 105.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

**PINDAAN FATWA TENTANG FAHAMAN DAN AJARAN YANG
DIPEGANG OLEH KUMPULAN AL-ARQAM PIMPINAN HAJI
ASHAARI MUHAMMAD.**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1), seksyen 32 dan seksyen 33 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', meminda fatwa yang disiarkan pada 4hb Ogos 1994 dengan menggantikannya dengan fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

En. 21/1989

*P.U. Sel.
103/94*

JADUAL

A. Bahawa :

(i) Buku yang bertajuk "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam sekaligus menjawab tuduhan" yang ditulis oleh ustaz Ashaari Muhammad; dan

(ii) "Manaqib (Riwayat hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi" yang ditulis oleh Mohamad Taha as-Suhaimi.

didapati kedua-dua buku dan manaqib tersebut di atas mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariat Islamiah serta boleh mengelirukan masyarakat Islam. Oleh yang demikian kedua-dua buku dan manaqib tersebut adalah diharamkan.

B. Bahawa kumpulan Darul Al-Arqam atau Al-Arqam yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman yang terkandung dalam buku bertajuk Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam sekaligus menjawab tuduhan dan Kitab Manaqib (Riwayat Hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi adalah diharamkan.

C. Bahawa pengharaman ini meliputi:

(a) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran yang tersebut dalam buiran (A) dan termasuklah apa-apa pegangan ideologi atau falsafah atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan dan pemujaan yang merangkumi bahawa tujuannya atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian pengajaran kebatinan, petiindungan kebatinan atau kewujudan kebatinan, iaitu

suatu pegangan, ideologi, falsafah atau kumpulan atau sistem amalan atau pemujaan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah;

(b) apa-apa jua bahan publisiti kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam, termasuk mana-mana terbitan, ertinya apa-apa bahan termasuklah suatu gambar, gambarfoto, poster, rajah, surat edaran, glansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain yang bertujuan untuk memberikan publisiti kepada terbitan tersebut, yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di buiran (A);

(c) apa-apa terbitan ertinya apa-apa buku, majalah, pamflet, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain, dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya; dan termasuklah apa-apa filem iaitu sebuah wayang gambar, pita rakaman atau rekod, walau bagaimanapun jua dibuat, daripada suatu imej berdasarkan penglihatan yang mana adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat untuk menyangkan rangkaian itu sebagai suatu gambar bergerak; rakaman audio iaitu apa-apa bahan termasuk piring-piring hitam, fotografi, pita-pita rakaman, cakera laser dan cakera padat yang mana dirakamkan rakaman suara manusia untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran-ajaran atau pegangan-pegangan di buiran (A).

- D. Oleh itu, orang Islam dilarang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberikan ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidupkan dan mengembangkan kumpulan ini.

Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamflet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh dikaitkan dengan Kumpulan Darul Arqam atau Al-Arqam pada mana-mana harta alih atau tak alih.

- E. Dan semua pihak dilarang memberikan kemudahan dan membantunya.

Dibuat pada 9hb Ogos 1994.

[JAI.Sel. 8014/7 Jilid III; P.U. Sel. 2780.]

Dengan Titah Perintah,

SS DATO' HAJI ISHAK BIN BAHAROM,

Mufti,

Negeri Selangor

LAMPIRAN E

Laporan Penyelidikan Ajaran Syed Mohd. Al-Masyhor oleh Pejabat Ugama Islam Melaka

AJARAN SYED MOHD. AL-MASHOR di Umbai, Melaka.

Pendahuluan:

Ajaran Syed Mohd. Al-Mashor yang disebarikan di Kampung Umbai, Melaka, berjalan dengan cara rahsia dan bersembunyi-sembunyi, tetapi dapat juga dikesan apabila ada dari pengikut-pengikutnya berpaling tadah dan bertindak keluar dan meninggalkannya.

Nama Ajaran:

Nama ajaran ini ialah ajaran Syed Mohd. Al-Mashor, kerana beliau ialah pengasas ajaran ini. Latar belakangnya Syed Mohd. Al-Mashor ini ia adalah rakyat Singapore. Sebelum menjalankan ajarannya ini ia seorang buruh di Pelabuhan Singapore, gemar berjudi, main Kuda, kehidupannya susah pada masa itu, al maklum sebagai buruh di bandar besar itu, tiba-tiba ia berubah dengan menyebarkan ajaran-ajaran yang di rekanya sendiri dan dikatakan itulah sebenarnya ajaran Ugama Islam yang benar.

Penyebarannya di Melaka:

Mula ajaran ini bertapak di Melaka di Kampung Umbai, 9 batu dari bandar Melaka dalam tahun 1973 kerana wakilnya yang bergarak cergas disitu ialah Hj. Taha Kalu namanya, kerana ia seorang yang ada pengaruh disitu. Banyak keluarga disitu telah terpengaruh dan memasukinya.

Ajarannya yang sesat lagi Menyesatkan:

Ajarannya dari segi Alcidah iaitu:-

1. Rasulullah sahaja yang berhak mengislamkan manusia, apabila Rasulullah telah wafat, maka seorang dari keturunannya menggantikannya, maka taraf dan kedudukan orang yang menggantikan Rasulullah itu sama sahaja dengan Rasulullah. Pengganti Rasulullah akan muncul berganti-ganti; iaitu dari keturunan Syed-syed juga. Oleh itu Syed Mohd. Al-Mashor mengaku dirinya sebagai pengganti Rasulullah dan kerana itu ia mengaku dirinya "RASUL".

2. Rasul pengganti Rasulullah itu mempunyai kuasa tentang memberikan syafaat kepada pengikut-pengikutnya itu yang mana-mana mereka membuat kesalahan dan maksiat seperti minum arak, berjudi, tidak menunaikan Sembahyang dan lain-lain kesalahan.
3. Rasul pengganti itu, juga Rasulullah pada zahirnya sahaja manusia, tetapi hakikat sebenarnya ia telah bercantum dengan Allah. Kata-kata dan gerak gerinya ialah Allah sendiri.
4. Al-Quran yang ada ini bukan Al-Quran yang sebenar, hakikat ayat-ayat Quran itu ada dalam tubuh badan kita sendiri, ayat-ayat Quran yang ada didalam tubuh badan itu ialah Quran sebenar bernama "NUR HAKIM". Quran yang ada ini telah menjadi mansuh dengan NUR HAKIM.
5. Salepas manusia mati roh-rohnya akan menjelma didalam badan binatang-binatang dan lain-lain.

Amalan-amalannya:

Antara amalan-amalannya ialah:

1. Pengikut-pengikut ajaran ini di tegah dan tidak boleh sama sekali sembahyang di belakang orang lain yang bukan pengikut.
2. Pengikut-pengikut ajaran ini tidak boleh dan dilarang berkahwin dengan bukan pengikut ajaran ini kerana mereka yang bukan pengikut dikira bukan orang Islam pada mereka.
3. Nikah yang dijalankan oleh Juru Nikah itu tidak sah, yang sah nikah pada mereka ialah NIKAH BATIN. Rukun nikah batin ini ada lima:-
 1. Yang dinikahkan (Perempuan) itu namanya maknikam.
 2. Maharnya (maskahwinnya) ialah air mani.
 3. Walinya ialah Allah.
 4. Yang menikahkan itu ialah Mohammad.
 5. Saksinya Malaikat Kiraman Katibin.
4. Ajaran ini mengamalkan zikir Spidina Ali, tempat beramal yang istimewa di Pulau Besar, Melaka. Berzikir hendaklah waktu malam, beramal bersendirian dalam semak di pulau itu. Kemuncaknya amalan itu siapa yang bernasib baik dapat ilham, atau mimpi bertemu dengan wali-wali, juga dengan Syed Mohd. sendiri.

5. Ajaran ini tidak mengambil berat tentang Fardhu Ugama dan larangan-larangan ugama kerana:

1. Ajaran ini menjamin pengikut-pengikutnya masuk Syurga dan terlepas dari Negaka.
2. Pengikut-pengikut ajaran ini dijanjikan dan dijamin oleh Syed Mohd. (Rasul) segala kesalahan mereka akan hapus dengan syufaatnya.

Sekian serba ringkas ajaran sesat Syed Mohd.Al-Mashor yang di-sebarkan di Melaka harus juga ajaran ini menjalar ke Selangor - Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri lain.

Syed Mohd.Al-Mashor telah meninggal dunia dan sekarang digantikan oleh muridnya yang kanan bernama Syed Mahdhar, tinggal di Datuk Keramat Wilayah Persekutuan dan oorgas juga menjalan kegiatannya.

Sekian.

Disediakan Oleh:-

Pejabat Ugama Islam,
Melaka.

15hb. November, 1980.

LAMPIRAN F

Tafsiran Surah al-Fātiḥah oleh Syed Mohd. Al-Masyhor

RAHASIA FATEHA
BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM
ALLAH HUMMASSALLI 'ALA SAIYIDINA MUHAMAD
WA' ALA A-LI SAIYIDANA MUHAMAD

BISMILLAH	: Makna nya menamai ia akan diri nya
ARRAHMAN	: Yaitu Ya Muhamad engkau jua keadaan ku.
NIRRAHMAN	: Yaitu Ya Muhamad engkau ka-kaseh ku tiada lain daripada mu.
AL-HAMDU LILLAH	: Ya Muhamad yang sembahyang mu ganti sembahyang ku tempat aku memuji diri ku.
RABBIL 'ALAMIN	: Ya Muhamad aku Tuhan sekalian Alam.
ARRAHMAN NIRRAHIM	: Ya Muhamad yang membacha Fateha aku yang memuji pon aku.
MALIKI YAUMIDDIN	: Ya Muhamad aku raja yang maha besar engkau lah kerajaan ku.
IYYAKA NA'BUDU	: Ya Muhamad yang sembahyang itu aku memuji akan diri ku.
WA IYYAKA NASTA'INU	: Ya Muhamad tiada kenyataan ku jika tiada engkau kerana engkau kenyataan ku.
IHDINASSIRATAL-MUSTAQIM	: Ya Muhamad yang awal dan yang akhir dan ke-adaan mu itu ke-adaan ku.
SIRATAL LAZINA AN'AMTA ALAIHIM	: Ya Muhamad sebab pon aku suka kan mu kerana aku murah kan.
CHAIRIL MAGHDHUBI ' ALAIHIM	: Ya Muhamad kerana aku murah kepada mu engkau ka-kaseh ku kepada ku.
WALAD DHALLIN	: Ya Muhamad jika tiada tiada aku tiada mu.
AMIN	: Ya Muhamad Rahasia mu Rahasia ku.

Warta Ajaran Syed Mohd. Al-Masyhor

Sel. P.U. 14.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG AJARAN SYED MUHAMAD AL MASYHOR

(TARIKATUL ISLAM MUHAMAD S.A.W. HABIBULLAH AL HASHIMI)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual. En. 2/1989

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON THE TEACHINGS OF SYED MUHAMAD AL MASYHOR

(TARIKATUL ISLAM MUHAMAD S.A.W. HABIBULLAH AL HASHIMI)

In exercise of the powers conferred by section 31 (1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the fatwa as specified in the Schedule. En. 2/1989

JADUAL / SCHEDULE

1. Ajaran dan amalan Syed Muhamad Al Masyhor (Tarikatul Islam Muhamad S.A.W. Habibullah Al Hashimi) didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. oleh yang demikian, orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.

2. Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Syed Muhamad Al Masyhor (Tarikatul Islam Muhamad S.A.W. Habibullah Al Hashimi) di mana-mana beradakah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanabu Wata'ala.
3. Antara ciri-ciri ajaran itu:
 - (a) Mengaku diri sebagai Rasul.
 - (b) Mendakwa boleh memberi syafaat kepada pengikut yang melakukan kesalahan.
 - (c) Pada hakikatnya Rasul (Syed Muhamad Al Masyhor) pengganti Rasulullah itu telah bercantum dengan Allah. Kata-kata dan gerak-gerinya adalah Allah sendiri.
 - (d) Mendakwa Al-Quran yang sebenar ialah Nur Hakim.
 - (e) Mengamal nikah batin.
 - (f) Pengikut ditegah bernikah dengan orang luar.
 - (g) Menegah berkahwin dengan bukan ahli.
 - (h) Pengikut ajaran ini dijamin masuk syurga.
 - (i) Menyalah tafsirkan ayat Al-Quran.
 - (j) Menerbitkan buku bertajuk "Mengikut Jejak Rasulullah S.A.W."
4. Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku yang dinyatakan dalam perenggan 3(j).

Dibuat pada 19 April 1998.

Made the 19 April 1998.

[JAL. Sel. 8072/7; PU. Sel. AGM/0007. Jld. 2.]

ABD. MAJID BIN OMAR,
Pemangku Mufti,
Selangor

Warta Ajaran Qadiani Tahun 1980

Jil. 33

6hb November 1980

No. 23

ENAKMEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM 1952

(Enak. Sel. No. 3 tahun 1952)

ADMINISTRATION OF MUSLIM LAW ENACTMENT 1952

(Sel. Enact. No. 3 of 1952)

No. 664.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 42 (3) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam 1952, maka suatu penetapan telah dibuat di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Istana Kuala Lumpur pada 9hb R'Akhir, 1373 bersamaan dengan 15hb Disember 1953 bahawa Mazhab Qadiani yang dibawa oleh Mirza Ghulam Ahmad serta pengunjur dan pengikut-pengikutnya yang lain dan juga Mazhab Taslim/Mazhab Haji Mohammad Matahari maka kedua-dua Mazhab tersebut adalah KUFUR dan MURTAD. Sementara Mazhab QAUM BATIN pula adalah sesat.

In exercise of the powers conferred by section 42 (3) of the Administration of Muslim Law Enactment 1952 a determination has been made in the presence of His Royal Highness the Sultan of Selangor at Istana Kuala Lumpur on the 9th of R'Akhir, 1373, corresponding to 15th December 1953, that the Mazhab Qadiani brought by Mirza Ghulam Ahmad and his followers, and also Mazhab Taslim/Mazhab Haji Mohamad Matahari are both proclaimed to be KUFUR and MURTAD. While Mazhab QAUM BATIN is misleading.

[IPK. Sel. (Sulit) 1397.]

DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH,
Pengerusi,
Majlis Ugama Islam, Selangor

Warta Ajaran Qadiani Tahun 1998

Sel. P. U. 15.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG AJARAN AHMADIAH/QADIANI

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 31 (1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara, memperaku dan menerimapakai keputusan Jawatankuasa Undang-Undang 1975 seperti yang dinyatakan dalam Jadual. En. 2/1989

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON AJARAN AHMADIAH/QADIANI

IN exercise of the powers conferred by section 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 the Mufti for the State of Selangor, after discussion with the Islamic Legal Consultative Committee, confirmed and adopts the result of 1975 Law Committee as specified in the Schedule. En. 2/1989

JADUAL/SCHEDULE

1. Ajaran Qadiani adalah satu ajaran yang menyalahi dari ajaran Islam yang sebenarnya. Pengikut-pengikut ajaran Qadiani ini telah dihukumkan kafir oleh Ulama-ulamak Islam serata dunia.
2. Jabatan Agama Islam Selangor telah menghukumkan kafir kepada pengikut-pengikut Qadiani yang berpusat di Batu 20 Jeram, Kuala Selangor pada 15-12-1953 setelah mereka dibicarakan di Istana Kuala Lumpur di hadapan D. Y. M. M. Sultan Selangor serta beberapa orang Alim Ulama di Negeri Selangor ini. Setiap orang yang telah menjadi penganut ajaran Qadiani adalah telah murtad-(keluar dari Agama Islam). Maka wajiblah dituntut mereka bertaubat kembali kepada Islam dengan mengikrar dua kalimah syahadat.

3. Antara ciri-ciri ajaran itu ialah:
 - (a) Mirza Ghulam Ahmad mendakwa:
 - (i) Sebagai Nabi yang menerima wahyu.
 - (ii) Imam Mahadi.
 - (iii) Isa Al Masih.
 - (iv) Mempunyai mukjizat.
 - (v) Para Nabi menyaksikan dirinya.
 - (vi) Malaikat sebagai pancaindera tuhan.
 - (vii) Nabi Isa A. S. telah mati dan kuburnya di Srinagar.
 - (b) Ibadah haji di Qadian, India.
 - (c) Menafikan jihad.
 - (d) Mengubah ayat-ayat Quran.
4. Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:
 - (a) "Invitation To Ahmadiyah" yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II)
 - (b) Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmadiyah.
 - (c) Alam Sebagai Saksi yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hassan.
 - (d) "The Holy Quran With English Translation And Commentary" (Vol II, Part I) yang dikarang oleh M. Mas'ud Ahmad.

Dibuat pada 22hb Jun 1998.

Made the 22nd June 1998.

[(JAL. Sel. 8069/2; PU. Sel. AGM/0007. Jld. 2).]

HAJI MOHD. TAMYES BIN ABD. WAHID.
Mufti Selangor

Warta Ajaran Samaniah Ibrahim Bonjol

Sel. P. U. 9.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG TARIKAT SAMANIAH IBRAHIM BONJOL

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara, membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual. En. 2/1989

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON TARIKAT SAMANIAH IBRAHIM BONJOL

IN exercise of the powers conferred by section 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the fatwa as specified in the Schedule. En. 2/1989

JADUAL /SCHEDULE

1. Ajaran dan amalan Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang-orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.
2. Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.

3. Antara ciri-ciri ajaran itu:

1. Sebelum seseorang murid diterima menjadi ahli, wajib mandi dengan air limau/bidara untuk membersihkan dosa.
2. Bersedekah dan menghormati guru adalah menjadi satu kewajiban bagi murid-muridnya. Di samping itu murid-murid digalakkan membuat kebajikan dan memberi bantuan kepada guru.
3. Kitab Thabitul Qulub yang dijadikan kitab asas kepada tarikat berkenaan, didapati banyak yang bertentangan dengan pegangan umat Islam. Setiap orang yang belajar tarikat berkenaan diberikan buku tersebut dengan bayaran RM25.00.
4. Wirid-wirid dalam tarikat ini dikumpul di dalam buku Baitul Ibadah yang mengandungi zikir-zikir yang disusun berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran, solawat, istighfar dan doa.
5. Terdapat 26 adat kesopanan murid kepada guru. Antaranya tidak boleh murid berkahwin dengan isteri guru yang diceraikan atau ditinggalkan mati.
6. Jika seseorang mati ketika berulang-alik ke tempat belajarnya "untuk mempelajari tarikat berkenaan maka Tuhan sendiri yang akan mencabutkan nyawanya itu".
7. Sembahyang boleh dilakukan dengan niat sahaja (Sembahyang batin) atau boleh ditinggalkan semasa dalam kesibukan kemudian diqada'.
8. Nikah boleh dilakukan tanpa wali dan saksi (Nikah batin).
9. Sembahyang fardhu diabaikan atau ditinggalkan kerana cukup dengan niat di hati.
10. Orang-orang yang belum masuk Tarikat ini dianggap belum sempurna Islam mereka. Mereka diajak untuk diIslamkan oleh guru atau wakil tarikat ini.

11. Jika sudah masuk Tarikat ini tidak perlu lagi pengajian ilmu-ilmu syariat.
12. Ajaran-ajaran dalam Tarikat ini dirahsiakan daripada bukan pengikut. Tarikat ini juga disebut sebagai Ilmu Sirr (Rahsia).
13. Murid mesti patuh sepenuhnya kepada guru zahir dan batin, jika guru menyatakan jodoh seseorang pengikut itu dengan seorang yang lain maka ia perlu dipatuhi.
14. Syeikh Ibrahim Bonjol guru Tarikat ini mendakwa mempunyai "Mukjizat" iaitu dengan mengeluarkan air dari tangannya.
15. Pergaulan bebas antara bukan muhrim dibolehkan antara ahli jika dengan niat yang ikhlas.
16. Al-Quran dianggap sebagai sejarah sahaja.

Dibuat 7 Februari 1998.

Made 7 February 1998.

[JAL. Sel. 8014/7:PU. Sel. AGM/0007. Jld.2).]

ABD. MAJID BIN OMAR,
Pemangku Mufti,
Selangor

26 Adab Murid dengan Guru mengikut Ajaran Samaniah Ibrahim Bonjol

ADAB KESOPANAN MURID TERHADAP GURU

1. Membesarkan guru zahir dan batin. Tidak berlainan pandangan pada guru kecuali itu sahajalah guru kita.
2. Berkhidmat murid kepada guru dengan harta atau badan dengan ikhlas hatinya.
3. Jangan diperkatakan perlakuan guru yang berlawanan hukum syarak.
4. Berikhtiar murid kepada guru samada banyak atau sedikit.
5. Murid jangan mencari-cari kesalahan guru samada banyak atau sedikit.
6. Murid memelihara guru samada berhadapan atau di dalam ghaib.
7. Sesuatu yang dimiliki adalah berkat guru samada zahir atau batin.
8. Tidak menyembunyikan kepada guru apa jua kelebihan yang diberi Tuhan, samada kasyaf atau sebagainya.
9. Jangan murid bertaklid kepada guru dengan apa-apa Pertanyaan, hanya dinantikan sahaja atau ditentukan.
10. Jangan membuka rahsia yang dinyatakan guru kecuali dibawakan kepada guru.
11. Tidak boleh murid berkahwin dengan isteri guru yang dicercaikan atau yang ditinggalkan mati.
12. Murid memelihara keluarga guru dengan baik.
13. Hendaklah murid memperingat guru yang tercenggang diri supaya terdapat ubatnya.
14. Hendaklah membesarkan pemberian guru dan tidak dijualkan.
15. Bersungguh-sungguh berkeyakinan kepada guru supaya disampaikan kepada Allah.

16. Tidak boleh beranggapan bahawa guru kekurangan ilmu.
17. Tidak diperbanyakkan berkata-kata kepada guru semoga menjaga adab agar mendapat kelimpahan rahmat dari Allah.
18. Hendaklah merendahkan suara kepada guru.
19. Tidak duduk bersila di hadapan guru dengan berlapik sejadah. Hendaklah merasa hina dan rendah kepada guru.
20. Menyegerakan suruhan guru serta tidak melinghakkannya.
21. Melarikan diri daripada apa yang dibenci oleh guru.
22. Janganlah menghampiri diri kepada yang dibencikan guru.
23. Sabar murid kiranya dikata kasar oleh guru. Jangan mengata-ngata dibelakangnya.
24. Tidak boleh duduk di tempat guru yang disediakan.
25. Jangan memindahkan kata guru kepada orang yang tidak memahaminya.
26. Jangan menyampaikan salam orang lain kepada guru.

Warta Fahaman Syiah

Sel. P. U. 10.

**ENAKMEN PENTADBIRAN
PERUNDANGAN ISLAM 1989**

FATWA TENTANG FAHAMAN SYIAH

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara, membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

En. 2/1989

***ADMINISTRATION OF ISLAMIC
LAW ENACTMENT 1989***

FATWA ON FAHAMAN SYIAH

IN exercise of the powers conferred by section 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the fatwa as specified in the Schedule.

En. 2/1989

JADUAL/SCHEDULE

1. Bahawa Fahaman dan Ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
2. Fahaman dan Ajaran ini perlu disekat keseluruhannya. Terdapat beberapa percanggahan di dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut Aqidah, Syariah dan lain-lain.

(a) Penyelewengan Dari Sudut Aqidah

- (i) **Iman adalah Maksum (معصوم)**
(Sila lihat kitab 'Aqaid Al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 72).
- (ii) **Kemunculan semula Iman Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (الرجعة)**
(Sila lihat kitab 'Aqaid Al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 83).
- (iii) **Berpura-pura (التقية)**
(Sila lihat kitab Al-Kafi. Juzu' 2 oleh Abu Ja'afar Muhamad Bin Ya'kub Bin Ishak Al-Kulaini Al-Razi, halaman 217).
- (iv) **Saidina Ali disama tarafkan dengan Allah S. W. T.**
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Sira' oleh Al-Kulaini, Jilid 1, halaman 197).
- (v) **Menghalalkan Nikah Mut'ah**
(Sila lihat kitab Man la Yahduruhu Al-Fiqih oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Ali Bin HI-Husain Babawaih Al-Qummi. Juzu' 1, halaman 358).
- (vi) **Khalifah diwasiatkan secara Nas (نص)**
(Sila lihat kitab 'Aqaid Al-Imamiah oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 78).
- (vii) **Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia (الابواب)**
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Al-Kulaini Juzu' 1, halaman 146).
- (viii) **Muhamamad Bin Hassan Al-Askari ialah Iman Mahdi Al-Muntazar (المهدي) (المنتظر)**
(Sila lihat kitab As-Syiah Wa Al-Tasbih Al-Sira' Baina Al-Syiah Wa Al-Tasyayyu, oleh Doktor Musa Al-Musawi, halaman 61).

- (ix) **Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah S.A.W.**
(Sila lihat kitab Al-Anwar Al-Nu'maniah oleh Syed Nikmatullah Al-Musawi, halaman 81).
- (x) **Menambah Syahadah seperti berikut**
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Al-Kulaini Juzu' 1, halaman 441).

أشهد أن لا إله إلا الله أشهد أن محمداً رسول الله
أشهد أن علياً أمير المؤمنين حقاً

- (xi) **Menolak Hadith yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jama'ah sekalipun hadith Mutawatir**
(Sila lihat buku Aslu Al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad Al-Husain Ali Kasyif Al-Ghita', halaman 149).

(b) Penyelewengan Dari sudut Syariat

- (i) **Menolak Ijma' Ulama'**
(Sila lihat kitab Mukhtasar Al-Tuhfah Al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abudl Aziz Al-Imam Wilayullah Ahmad Abdul Rahim Al-Dahlawi, halaman 51).
- (ii) **Menolak Qias**
(Sila lihat kitab Asli Al-Syiah Wa Usuluha oleh Muhammad Bin Al-Husain Ali Kasyif Al-Ghita', halaman 149).

- (iii) **Mengamalkan Nikah Mut'ah**
(Sila lihat kitab Al-Nihayah Fi Mujarrad Al-Fiqh Wa Al-Fatawa oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Hassan Bin Ali Al-Tusi, halaman 489-491. Kitab Tahzib Al-Ahkam oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Al-Hassan Al-Tusi, halaman 254, 259, 266)
- (iv) **Menolak 'Aul dan mendahulukan Qurabah dari 'Asobah dalam masalah Pusaka**
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100-101).
- (v) **Menuduh Abu Bakar, Umar Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut adalah musuh Allah**
(Sila lihat kitab Al-Tafsir oleh Al Nadhar Muhammad Bin Mas'ud Bin 'Iyasy Al-Salami Al-Samarqandi, Juzu' 1, halaman 116)
- (vi) **Hanya Ali menghimpun Al-Quran dengan sempurna**
(Sila lihat kitab Al-Usul Min Al-Kafi oleh Al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 228)

(c) Pelbagai Penyelewengan Umum

- (i) **Menziarahi Kubur Saidina Husain. Ganjaran Syurga**
(Sila lihat Al-Irsyad oleh Muhammad Bin Muhammad Bin Nu'kman Al-Askibri Al-Baghdadi Al-Mulaqqab Bin Al-Syeikh AlMufid, Halaman 252)
- (ii) **Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram**
(Sila lihat kitab Al-Syiah Wa Al-Tashih Al-Sira', Baina Al-Syiah Wa Al-Tasyayyu', oleh Doktor Musa Al-Musawi, halaman 98).

- (iii) **Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi S. A. W. iaitu Saidatina Aishah dan Hafsa**
(Sila lihat kitab Tuhfah Al-Awam Maqbul oleh Al-Syed Manzur Husain, halaman 330)
- (iv) **Mengharuskan Jamak Sembahyang dalam semua keadaan**
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993, halaman 36).
- (v) **Sembahyang Dhuha adalah haram**
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31).
- (vi) **Menetapkan Prinsip Khumus sebagai Kadar Zakat**
(Sila lihat kitab Tahzib Al-Ahkam oleh Ja'afar Muhammad Bin Al-Hassan Al-Tusi, halaman 122).
- (vii) **Imamah dan Khalifah daripada Rukun Islam dan ianya berlaku melalui Nas**
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145-146).
- (viii) **Islam bukan Syarat wajibnya Haji**
(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31).

- (ix) **Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya.**

(Sila lihat buku Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad) oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Huliyi, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim,).

3. Oleh itu mana-mana orang Islam adalah dlarang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman tersebut kerana bertentangan ia dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi:

- (a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan berpegang kepada atau menyebarkan Ajaran-ajaran atau Fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syiah kecuali untuk amalan individu itu sendiri; Atau
- (b) Untuk menerbitkan apa-apa bentuk versi atau variasi atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut; atau
- (c) Untuk menjadi anggota atau pemimpin mana-mana golongan Syiah atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.


Dibuat 14 Februari 1998.

Made 14 February 1998.


[JAL. Sel. 8014/7; PU. Sel. AGM/0007. Jld. 2)]

ABD. MAJID BIN OMAR,
Pemangku Mufti,
Selangor

Cadangan Struktur Organisasi bagi Pejabat Mufti Negeri Selangor



Cadangan Carta Aliran Kerja



Kod Kata Kekunci Fatwa

(1) Kod Bidang

Syariah	-	-	-	-	-	01
Usuluddin	-	-	-	-	-	02
Sosial	-	-	-	-	-	03
Lain-lain	-	-	-	-	-	09

(2) Kod Sub-bidang dan Pecahan Sub-Bidang

Falsafah Perundangan Islam	-	-	-	-	-	01-001
Haiwan	-	-	-	-	-	01-002
Ibadat	-	-	-	-	-	01-003
Bersuci	-	-	-	-	-	01-003-001
Sembahyang	-	-	-	-	-	01-003-002
Puasa	-	-	-	-	-	01-003-003
Zakat	-	-	-	-	-	01-003-004
Haji	-	-	-	-	-	01-003-005
Qurban/Akikah/Sembelihan	-	-	-	-	-	01-003-006
Jenazah	-	-	-	-	-	01-003-007
Bacaan al-Quran/Zikir/Doa	-	-	-	-	-	01-003-008
Umur Baligh/Khatan	-	-	-	-	-	01-003-0010
Fidyah	-	-	-	-	-	01-003-0011
Jenayah	-	-	-	-	-	01-004
Khalwat	-	-	-	-	-	01-004-001
Zina	-	-	-	-	-	01-004-002
Murtad	-	-	-	-	-	01-004-003
Minum Arak	-	-	-	-	-	01-004-004
Diyat	-	-	-	-	-	01-004-005
Ta'zir	-	-	-	-	-	01-004-006
Mencuri	-	-	-	-	-	01-004-007
Qazaf/Tuduhan	-	-	-	-	-	01-004-008
Kebersihan	-	-	-	-	-	01-005
Kehakiman	-	-	-	-	-	01-006
Makanan/Minuman	-	-	-	-	-	01-007
Masjid/Kariah	-	-	-	-	-	01-008
Muamalah	-	-	-	-	-	01-010
Jual beli	-	-	-	-	-	01-010-001
Gadaian	-	-	-	-	-	01-010-002
Simpanan (Wadiah)	-	-	-	-	-	01-010-003
Pinjaman	-	-	-	-	-	01-010-004

Perkongsian	-	-	-	-	-	01-010-005
Sewaan/Musaqat	-	-	-	-	-	01-010-006
Shuf'ah	-	-	-	-	-	01-010-007
Upah/Pawah	-	-	-	-	-	01-010-008
Luqatah	-	-	-	-	-	01-010-010
Hutang	-	-	-	-	-	01-010-011
Hibah	-	-	-	-	-	01-010-012
Wakaf	-	-	-	-	-	01-010-013
Baitulmal	-	-	-	-	-	01-010-014
Riba	-	-	-	-	-	01-010-015
Wakalah	-	-	-	-	-	01-010-016
Sedekah	-	-	-	-	-	01-010-017
Saham/Pelaburan	-	-	-	-	-	01-010-018
Insurans	-	-	-	-	-	01-010-019
Perbankan/Koperasi	-	-	-	-	-	01-010-020
Pekerjaan	-	-	-	-	-	01-011
Pentadbiran	-	-	-	-	-	01-012
Perkahwinan	-	-	-	-	-	01-013
Pertunangan	-	-	-	-	-	01-013-001
Rukun Perkahwinan	-	-	-	-	-	01-013-002
Mahar/Hantaran	-	-	-	-	-	01-013-003
Perwalian	-	-	-	-	-	01-013-004
Nafkah	-	-	-	-	-	01-013-005
Nusyuz	-	-	-	-	-	01-013-006
Perceraian Talak	-	-	-	-	-	01-013-007
Perceraian Taklik	-	-	-	-	-	01-013-008
Perceraian Lain-lain Bentuk	-	-	-	-	-	01-013-010
'Iddah	-	-	-	-	-	01-013-011
Rujuk	-	-	-	-	-	01-013-012
Hadanah	-	-	-	-	-	01-013-013
Penyusuan	-	-	-	-	-	01-013-014
Nasab Anak	-	-	-	-	-	01-013-015
Keluarga Angkat	-	-	-	-	-	01-013-016
Harta Sepencarian/Mut'ah	-	-	-	-	-	01-013-017
Wasiat	-	-	-	-	-	01-013-018
Pusaka	-	-	-	-	-	01-013-019
Kekeluargaan/Perkahwinan Secara Am	-	-	-	-	-	01-013-020
Pentadbiran Undang-Undang Keluarga	-	-	-	-	-	01-013-021
Perubatan	-	-	-	-	-	01-014
Politik	-	-	-	-	-	01-015
Tanah Perkuburan	-	-	-	-	-	01-016
Lain-lain	-	-	-	-	-	01-09
Ajaran/Ilmu Salah	-	-	-	-	-	02-001
Asas-asas Iman	-	-	-	-	-	02-002
Asas-asas Islam	-	-	-	-	-	02-003

Ilmu Kalam	-	-	-	-	-	02-004
Kenabian/Kerasulan	-	-	-	-	-	02-005
Khurafat/Bid'ah	-	-	-	-	-	02-006
Risalah/Kitab-kitab	-	-	-	-	-	02-007
Sam'iyat	-	-	-	-	-	02-008
Syirik	-	-	-	-	-	02-010
Tafsir	-	-	-	-	-	02-011
Tarikat/Tasawwuf	-	-	-	-	-	02-012
Tokoh-tokoh Islam	-	-	-	-	-	02-013
Lain-lain	-	-	-	-	-	02-009
Adat/Gelaran	-	-	-	-	-	03-001
Gaya Hidup	-	-	-	-	-	03-002
Hobi/Sukan	-	-	-	-	-	03-003
Membina Bangunan	-	-	-	-	-	03-004
Muzik/Hiburan	-	-	-	-	-	03-005
Pakaian/Hiasan/Alat Solek	-	-	-	-	-	03-006
Perayaan	-	-	-	-	-	03-007
Perbuatan Ganjil	-	-	-	-	-	03-008
Pergaulan/Kebajikan	-	-	-	-	-	03-010
Tabiat/Akhlak/Perangai	-	-	-	-	-	03-011
Tempat-tempat/barang-barang suci orang Islam-	-	-	-	-	-	03-012
Ukiran/Lukisan/Lambang	-	-	-	-	-	03-013
Lain-lain	-	-	-	-	-	03-009

(3) Kod Bentuk Fatwa

Fatwa yang Diwartakan	-	-	-	-	-	FW
Fatwa Minit Mesyuarat	-	-	-	-	-	FM
Fatwa dalam Bentuk Soal Jawab	-	-	-	-	-	FS